

Asnaf jalani pemeriksaan

KUALA PILAH - Seramai 270 asnaf dari Dun Pilah menerima pemeriksaan kesihatan percuma dalam Karnival Kesihatan Sihat dan Seimbang, di sini.

Bukan itu sahaja, mereka turut menerima bantuan Baitulmal menerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) dengan peruntukan sebanyak RM27,000.

Penyampaian bantuan telah disampaikan oleh Pengurus Baitulmal Mains, Ustaz Zainal Said bersama Pegawai Baitulmal Kuala Pilah, Puan Sri Rahayu Sarifin.

Karnival kesihatan itu dianjurkan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Pusat Penyelidikan Mizan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).

Ia dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan.